

“Kaya lebih kaya, miskin tetap miskin”

Jangan percaya ungkapan ini — Mahathir

UM 6 JUN 1983

SHAH ALAM 5 Jun — Datuk Sri Dr. **S Mahathir**, Mohamad hari ini mengingatkan orang-orang Melayu supaya jangan terpedaya dengan ungkapan-ungkapan dan sentimen-sentimen yang sengaja ditimbulkan untuk mengelirukan rakyat tentang usaha kerajaan khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Perdana Menteri berkata ketika kerajaan sedang berusaha untuk menjayakan DEB, beberapa pihak tertentu pula sibuk mempersoalkan siapa yang menerima nikmat-nikmatnya.

membantu bumiputera sama ada yang kaya atau miskin dan apabila terdapat pertandingan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera keutamaan tetap diberi kepada golongan bumiputera.

Katanya, kerajaan bersedia untuk membantu golongan bumiputera yang kaya kerana mereka diperlukan untuk menjalankan sesuatu tugas.

keliru, beliau menggesa ahli-ahli UMNO dan rakyat umumnya supaya membincang sesuatu isu dengan secara terbuka melalui forum atau konsensyen.

Bagaimanapun, katanya, perbincangan itu hendaklah dilakukan tanpa sebarang perasaan emosi tetapi seharusnya dijalankan dengan fikiran terbuka dan berasaskan kepada kebenaran.

Turut hadir di upacara

"Ada yang mengeluarkan ungkapan bahawa melalui dasar tersebut, orang kaya menjadi lebih kaya sementara yang miskin tetap menjadi miskin," kata Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapan perasmian Konvensyen UMNO Selangor Keempat di Institut Teknologi MARA di sini pagi ini.

Katanya, ungkapan seumpama itu sering digunakan oleh pihak-pihak sosialis.

"Apabila orang lain mendengarnya, sudah semestinya mereka akan menjadi marah dan merasa benci terhadap pemimpin negara dan akan wujud keadaan yang tidak mengizinkan perpaduan," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata sekiranya didapati seseorang menimbulkan ungkapan seperti itu, "kita harus bertanya mereka sama ada mereka kaya atau miskin. Kalau mereka miskin kita harus tanya pula sama ada mereka menikmati apa-apa kemudahan bekalan air, elektrik, sekolah atau klinik hasil dari pelaksanaan dasar itu."

Beliau berkata orang-orang yang suka menimbulkan keraguan terhadap dasar kerajaan ialah "orang-orang yang percayakan sosialisme yang tidak jauh dari fahaman komunisme."

Musuh-musuh politik ini juga, kata Perdana Menteri sering menimbulkan keraguan dengan mendakwa bahawa hanya beberapa kerat orang Melayu sahaja khususnya kawan-kawan pemimpin dan "kawan saya sendiri" yang dapat keuntungan dari Dasar Ekonomi Baru.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sekiranya taktik psikologi parti lawan itu diterima, maka akan timbul perasaan marah dan syakwasangka serta kecaman terhadap pelaksanaan DEB sehingga akhirnya ia gagal.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa dasar kerajaan digubal untuk

"Mustahil kita memberi kontrak kepada membina kilang kepada pemandu teksi semata-mata kerana beliau miskin.

"Oleh kerana itu soal kaya atau miskin tidak harus dibangkitkan," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, Dasar Ekonomi Baru diwujudkan untuk mengimbangkan kedudukan bumiputera dan bukan bumiputera dalam semua bidang.

"Di ITM ini pun kita sedang berusaha untuk mengeluarkan ahli-ahli profesional supaya seimbang dengan lain-lain golongan. Kalau dikaji hampir semua penuntut di ITM ini terdiri dari keluarga yang tidak mampu.

"Jadi ini adalah sebahagian daripada usaha kita di bidang pendidikan dan ^{6 JUN 1983} niagaan juga kita sedang berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan itu, umpamanya dengan melatih kakitangan kerajaan dalam bidang perniagaan runcit," Datuk Sri Dr. Mahathir menambahkan.

Untuk mengelakkan gejala pemahaman yang

pembukaan konvensyen itu pagi ini ialah Menteri Besar merangkap Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali, Naib Ketua Perhubungan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Konvensyen, Datuk Abu Hassan Omar dan Ketua Wanita UMNO Selangor, Puan Rahmah Othman.